

**PENGHAJIAN KESAN INDUSTRI KECIL DI LOT-LOT RUMAH KEDAI
KEPADA PERSEKITARAN DI SEKSYEN 17 DAN SEKSYEN 18,**

Assalamu'alaikum w.b.t.

SHAH ALAM.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya, dapat saya menamatkan kajian akhir saya tepat pada masanya. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Penyelia saya iaitu Dr. Jamakundali bin Haji Abdulrahman yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, sokongan dan idea-idea yang bernilai di dalam proses menamatkan kajian akhir ini. Terima kasih juga kepada kakitangan Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Bandaraya Shah Alam yang telah banyak membentangkan kejayaan dan perolehan di dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan dan juga kepada Pensyarah-pensyarah lain yang turut serta menyumbangkan idea di dalam kajian ini. Tidak lupa terima kasih saya kepada kedua ibu bapa saya iaitu En. Aziz bin Mude dan Puan Asemah bt. Batu serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu di dalam membentangkan idea dan sokongan iaitu Intan, Zulfah, Siti, Norzaini, Rohaya, Shaili, Siti Zaharah dan rakan-rakan yang lain. Alhamdulillah, dengan bantuan dan sokongan yang diberikan oleh pihak-pihak tersebut saya dapat menamatkan kajian akhir saya ini.

Oleh

INTAN AZLIANA BINTI AZIZ

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur

Universiti Teknologi Mara

Shah Alam

November 2000

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t...

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya, dapat saya menyiapkan kajian akhir saya tepat pada masanya. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Penyelia saya iaitu Dr. Jamalunlaili bin Haji Abdullah yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, sokongan dan idea-idea yang bernas di dalam proses menyiapkan kajian akhir ini. Terima kasih juga kepada kakitangan Jabatan Perancang Bandar, Majlis Bandaraya Shah Alam yang telah banyak memberikan kerjasama dan pertolongan di dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan dan juga kepada Pensyarah-pensyarah lain yang turut sama menyumbangkan idea di dalam kajian ini. Tidak lupa terima kasih saya kepada kedua ibu bapa saya iaitu En. Aziz bin Muda dan serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu di dalam memberi idea dan sokongan iaitu Intan, Zalifah, Siti, Norzaina, Rohaya, Shah, Siti Zaharah dan rakan-rakan yang lain. Alhamdulillah, dengan bantuan dan sokongan yang diberikan oleh pihak yang terbabit saya dapat menyiapkan kajian akhir saya ini.

ABSTRAK

Perletakan sesebuah tapak industri memerlukan perancangan yang teliti agar ianya tidak menimbulkan sebarang masalah atau konflik gunatanah di sesebuah kawasan. Perletakan industri kecil di lot kedai adalah merupakan salah satu masalah yang dapat dilihat memberikan kesan kepada persekitaran dan kepada penduduk di kawasan sekitarnya. Justeru, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengkaji sejauhmana kesan perletakan industri kecil di lot rumah kedai kepada persekitaran. Seksyen 17 dan Seksyen 18, Shah Alam telah dipilih sebagai kawasan kajian. Terdapat dua kaedah yang digunakan untuk mengumpul data iaitu kaji selidik dan pengamatan. Kaji selidik merangkumi kajian terhadap pengusaha industri kecil, pengusaha kedai yang bersebelahan dan kajian terhadap orang awam. Pengamatan juga dilakukan oleh pembanci ke atas kawasan tersebut bagi mengetahui tentang keadaan sediaada kawasan kajian seperti keadaan lalu lintas, keadaan dalaman dan luaran bangunan serta kesan industri tersebut kepada pengusaha bersebelahan. Sebanyak 10 responden pengusaha industri kecil telah dipilih secara rawak iaitu dua responden dari Seksyen 18 dan lapan responden lagi dari Seksyen 17, manakala bagi kajian pengusaha kedai yang bersebelahan, sebanyak 10 responden telah dipilih secara rawak. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui sejauhmana kesan industri kecil yang dijalankan kepada perniagaannya. Bagi kaji selidik awam, seramai 40 orang responden telah dipilih secara rawak yang terdiri dari kalangan penduduk dan pengunjung di kawasan kajian. Hasil daripada kajian yang dijalankan ini, didapati terdapat pelbagai masalah di kawasan kajian seperti kesesakan lalu lintas, masalah pencemaran yang diakibatkan dari penggunaan dan penghasilan bahan-bahan bagi kegiatan industri, masalah gangguan di kaki lima dan masalah ketidakcukupan tempat letak kenderaan yang memberikan kesan kepada penduduk, pengusaha kedai yang bersebelahan dan alam persekitaran. Pelbagai cadangan diberikan oleh mereka seperti meminta supaya pengusaha mengurangkan waktu operasi mereka, berpindah ke kawasan yang lebih sesuai ataupun meneruskan operasi dengan kawalan dari Pihak yang Berkuasa. Walaubagaimanapun, aktiviti industri yang dijalankan adalah penting bagi penduduk di kawasan kajian dan ianya perlu diteruskan. Antara inisiatif yang boleh dicadangkan ialah pengusaha industri perlu mengurangkan waktu operasinya manakala Pihak Berkuasa perlu memastikan penyediaan tempat letak kenderaan di kawasan kajian adalah mencukupi dan memindahkan industri yang bermasalah ke kawasan yang lebih sesuai serta melarang penggunaan ruang kaki lima untuk mempamerkan barangan dan menjalankan kerja-kerja pembaikan. Kesimpulannya, aktiviti industri kecil yang terdapat di kawasan kajian adalah aktiviti yang penting dan diperlukan oleh penduduk di kawasan kajian. Walaupun ianya menimbulkan pelbagai masalah, namun ianya tidak memberikan kesan yang serius kepada pengusaha kedai yang bersebelahan dan penduduk di kawasan kajian. Justeru, kesemua industri kecil yang beroperasi di kawasan kajian boleh meneruskan operasinya dengan kawalan dari Pihak yang Berkuasa agar kesemua masalah yang berlaku dapat diatasi.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Senarai Jadual	iii
Senarai Rajah	iv
Senarai Foto	v
Senarai Lampiran	vi

ISI KANDUNGAN

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1 – 2
1.2	Penyataan Masalah	3 – 5
1.3	Tujuan	5
1.4	Objektif	5
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Metodologi	7 – 10
1.7	Kawasan Kajian	11 – 12
1.8	Kesimpulan	13

BAB 2 KAJIAN LATAR

2.1	Pengenalan	14
2.2	Definisi Industri	15 – 20
2.3	Penggunaan Prinsip Perancangan Dan Pembangunan Sejagat	21 – 22
2.4	Piawaian Perancangan bagi kawasan Perindustrian	23 – 29
2.5	Industri Kecil	30 – 31
2.6	Jenis Industri Kecil di Kawasan Bandar	32 – 33

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Aktiviti industri ialah aktiviti yang melibatkan pemprosesan, pembuatan, kuari dan pembinaan. Industri juga turut merangkumi aktiviti yang melibatkan kegiatan ekonomi dan perdagangan seperti pengeluaran barang pertanian, barangan runcit dan borong, perkhidmatan pengangkutan, kilang-kilang perusahaan dan sebagainya.

Industri boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu industri berat, sederhana dan ringan. Penentuan sesebuah industri itu bergantung kepada saiz pekerja, taraf bangunan dan aktiviti yang dijalankan. Industri kecil ialah industri yang tidak mengeluarkan takat pencemaran yang tinggi iaitu pencemaran air, udara dan bunyi.

Kebiasaannya industri kecil banyak dijalankan di kawasan perbandaran iaitu di kawasan pinggir bandar dan pusat bandar. Kebanyakan aktiviti industri ini dilakukan di lot-lot kedai berderet ataupun di dalam bangunan yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian. Di dalam kawasan perbandaran biasanya, aktiviti industri yang dijalankan adalah terdiri dari industri jenis pembuatan dan perkhidmatan contohnya industri memproses kepingan logam, membaiki kenderaan, membuat perabot dan membuat kek dan roti yang dapat memberi khidmat kepada masyarakat.

Kebanyakan pengusaha-pengusaha industri kecil di kawasan bandar pada masa kini tidak begitu menitikberatkan tentang aspek alam sekitar. Bagi pihak pengusaha,